JABATAN PENDAFTAR - Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Pengajian Lanjutan), Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Pemantauan Pengajian PhD Zon Utara pada 16 April 2012 yang berlangsung di Executive Development Centre (EDC) UUM. Program tersebut turut dihadiri hampir 100 orang pensyarah dan tutor UUM yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Utara Malaysia dan juga Universiti Sains Malaysia (USM).

Turut serta membantu ialah ahli-ahli panel pemantauan yang terdiri daripada Jawatankuasa Modal Insan peringkat Pusat Pengajian masing-masing yang diketuai oleh Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Modal Insan bagi Pusat Pengajian Pengkomputeran.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi fokus kepada pembentangan perkembangan prestasi pengajian, perbincangan masalah-masalah berkaitan dengan pengajian PhD dan cadangan penambahbaikan serta ianya juga menjadi platform interaksi oleh pensyarah dan tutor yang sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD dengan pihak Universiti.

Selain itu, hasil daripada bengkel ini dapat menyediakan maklumat lengkap dalam membantu Dekan Pusat Pengajian masing-masing sebelum membuat pertimbangan untuk pengesahan permohonan perlanjutan tempoh cuti belajar bagi pensyarah/Tutor yang memohon untuk tambahan masa bagi menyelesaikan PhD masing-masing sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemilih Pengajian Lanjutan (JPPL).

Bengkel Pemantauan Pengajian PhD akan dilaksanakan secara berperingkat yang dibahagikan mengikut zon seperti zon utara dan zon tengah (terdiri daripada universiti-universiti yang terletak di kawasan Lembah Kelang). Program ini juga bakal diadakan di luar negara seperti di United Kingdom, New Zealand dan Australia.

Program ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pendaftar untuk mencapai hasrat Universiti yang mensasarkan 75% staf akademik UUM yang berkelayakan PhD menjelang tahun 2013 kelak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Luzman Abd Aaziz
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Pengajian Lanjutan)
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia

Tel: 604 9284936
Faks: 604 9284178
email: luzman@uum.edu.my

JABATAN PENDAFTAR
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283021/3043
Fax : 04-9283046
e-mail : pendaftar@uum.edu.my